

**TELAH RASMINYA DIBUKA CAWANGAN
YANG KETIGA DI KUALA LUMPUR(P.J),
SUNWAY LAGOON PADA 22/9/1997
OLEH
MENTERI PERDAGANGAN ANTARA
BANGSA dan INDUSTRI
DATUK SERI RAFIDAH AZIZ**



**Hartz labur
RM30j buka
cawangan baru
Muka 13
Indonesia
setuju bantuan
Malaysia**

*Alamat Utusan Malaysia Online
<http://www.utusan.com.my/online>*



RAFIDAH (kanan) menarik tirai untuk merasmikan restoran Hartz Chicken Buffet sambil diperhatikan oleh Lau (kiri) dan Tek di Petaling Jaya semalam.

Hartz labur RM30j buka cawangan baru

PETALING JAYA 22 Sept. Restoran makanan segera, Hartz Chicken (M) Sdn. Bhd. (Hartz) akan melaburkan RM30 juta (AS\$10 juta) untuk membuka 10 lagi rangkaian restoran baru sebelum akhir tahun depan.

Pengarah Urusan Hartz, Lau Tiong Ing berkata, tambahan itu akan menjadikan jumlah keseluruhan restoran Hartz di Malaysia sehingga akhir tahun 1998 ialah 13 buah.

"Kami yakin restoran-restoran tersebut dapat menyumbang antara RM39 juta hingga RM52 juta setahun kepada jualan kumpulan," katanya.

Pelaburan yang dikeluarkan agak besar untuk membangunkan infrastruktur restoran-restoran itu dari peringkat awal lagi, kata beliau selepas perasmian restoran Hartz Chicken Buffet oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di sini hari ini.

Kepentingan

Restoran Hartz Chicken Buffet yang telah diasaskan di Texas, Amerika Syarikat dengan nama Hartz Krispy Chicken telah dibeli 70 peratus kepentingannya oleh kumpulan PT Sierad Anwar

(Sierad Anwar) dari Indonesia dengan harga RM15 juta tahun lalu.

Pembelian itu mewujudkan Hartz Chicken Buffet International (Hartz (I)) yang dikuasai oleh PT Sierad Produce, anak syarikat 54 peratus kepada Sierad Anwar.

Selain rangkaian restoran Hartz Chicken Buffet, Sierad Produce yang mempunyai modal berbayar RM580 juta, juga menguruskan rangkaian restoran Wendy's, French Cafe dan sebuah lagi rangkaian restoran pizza.

Menurut Pengerusi Hartz (I) dan Presiden Sierad Anwar, Budiardjo

Tek, untuk tahun depan sahaja, sebanyak 60 hingga 70 rangkaian tambahan Hartz Chicken Buffet akan ditambah di seluruh dunia.

Dengan mengambil kira bilangan sedia ada, beliau berkata, jumlah restoran Hartz menjadi antara 110 hingga 120 cawangan dengan jangkaan jualan mencapai RM720 juta.

"Dalam masa dua hingga tiga tahun lagi, rangkaian restoran Hartz Chicken Buffet akan menjadi restoran makanan segera terbesar di rantau Asia Pasifik yang diurus oleh syarikat Asia, kata Tek.